

01/02/17
RABU

Perbedaan Pendapat Ulama Tentang Ada Dibuang Atau Tidak Muqsim Alaih

Menurut segolongan ulama, muqsim 'alaih atau jawab qasam di dalam al-Qur'an ada yang dibuang. Kedudukannya samaseperti muqsim bihi daripada segi adakalanya ^{disebutkan} dan adakalanya dibuang. Bagaimanapun mereka hanya menerima pembuangan muqsim 'alaih pada 7 tempat sahaja. Menurut segolongan yang lain pula, muqsim 'alaih tidak ada yang dibuang sama sekali di dalam al-Qur'an. Cuma ia mungkin tidak ketara dan perlu direnung sedikit.

Pada pandangan golongan ulama yang mengatakan muqsim 'alaih ada dibuang di dalam al-Qur'an, mereka mengatakan pembuangannya berlaku pada beberapa tempat berikut:

(1) Apabila muqsim 'alaih atau jawab qasam tidak diperlukan, sumpah Allah di tempat itu semata-mata untuk menarik perhatian manusia kepada muqsim bihi yang dengan jelas menunjukkan kekuasaan dan keajaibanNya. Muqsim bihi sendiri sebenarnya sudah menunjukkan kepada muqsim 'alaih. Dalam keadaan ini membuang muqsim 'alaih lebih meringkaskan ayat dan lebih memberi ma'na yang mendalam. Contohnya ialah firman Allah di bawah ini:

ص وَالْقُرْآنِ ذِي الذِّكْرِ

Bermaksud: Saad; demi Al-Quran yang mempunyai kemuliaan serta mengandungi peringatan dan pengajaran. (Shaad:1).

Muqsim bihi dengan sifatnya di dalam ayat ini jelas menunjukkan kepada muqsim 'alaihnya. Oleh kerana itu muqsim 'alaih atau jawab qasamnya tidak perlu lagi disebutkan. Sememangnya al-Qur'an itu mulia dan mengandungi peringatan. Maka tidak diperlukan lagi kepada muqsim 'alaih. Tidak perlu lagi dikatakan misalnya ^{انه لذكر} انه لذكر (Sesungguhnya ia merupakan peringatan dan pengajaran kepada mereka), atau قد شهد القرآن انه لذكر لهم ونصح sebagai muqsim 'alaihnya.

(2) Apabila ada dalil yang menunjukkannya. Keadaan seperti itu boleh berlaku apabila muqsim 'alaih atau jawab qasam diandaikan sepatutnya dimulai dengan ^لل (haraf nafi).

Lihat contohnya pada firman Allah berikut:

قَالُوا لَنْ نُؤْمِرَكَ عَلَىٰ مَا جَاءَنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَلَذِي فُطِرْنَا فَاقْضِ مَا أَنْتَ قَاضٍ إِنَّمَا تَقْضِي هَذِهِ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا

Bermaksud: Mereka berkata: “Kami sekali-kali tidak akan mengutamakan kamu daripada bukti-bukti yang nyata (mu’jizat) yang telah datang kepada kami dan daripada Tuhan yang telah menciptakan kami: maka putuskanlah apa yang hendak kamu putuskan. Sesungguhnya kamu hanya akan dapat memutuskan dalam kehidupan di dunia ini sahaja. (Thaaha:72).

Sesetengah ahli Nahu mengandaikan firman Allah والذى فطرنا sebagai qasam. Muqsam ‘alaih atau jawab qasamnya mahzuf. Firman Allah ولن نوثرک yang tersebut sebelumnya merupakan dalilnya. Taqdir ibarat sepenuhnya ialah والذى فطرنا لن نوثرک (Demi Tuhan yangtelah menciptakan kami, kami sekali-kali tidak akan mengutamakan kamu).

(3) Apabila muqsam ‘alaih atau jawab qasam diandaikan sepatutnya dimulai dengan haraf (ف).Lihat contohnya pada firman Allah berikut:

قَالَ سَنَشُدُّ عَضُدَكَ بِأَخِيكَ وَنَجْعَلُ لَكُمَا سُلْطٰنًا فَلَا يَصِلُونَ إِلَيْكُمَا بِأَيِّتِنَا أُنتُمْ وَمَنْ تَبِعَكُمَا لَعْنٰلِيُون ﴿٣٥﴾

Bermaksud: Allah berfirman: “Kami akan membantumu dengan saudaramu, dan Kami berikan kepadamu berdua kekuasaan yang besar, maka mereka tidak (akan) dapat mengapa-apakanmu; (berangkatlah kamu berdua) dengan membawa mu’jizat Kami, kamu berdua dan orang yang mengikuti kamulah yang akan menang.” (al-Qashash:35).

Sesetengah ahli Nahu mengandaikan haraf (ب) pada بآيتنا di dalam firman Allah di atas sebagai haraf qasam.Muqsam ‘alaih atau jawab qasamnya mahzuf. Firman Allah فلا يصلون اليكما yang tersebut sebelumnya merupakan dalilnya. Taqdir ibarat sepenuhnya ialah بآيتنا لا يصلون اليكما (Demi mu’jizat Kami, mereka tidak (akan) dapat mengapa-apakanmu).

(4) Di mana muqsam ‘alaih atau jawab qasam kelihatan dimulakan dengan perkataan هل. Contohnya firman Allah berikut:

وَلَفَجَّرَ ﴿١﴾ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ﴿٢﴾ وَلَشَفَعٍ ﴿٣﴾ وَلَوُثِرٍ ﴿٤﴾ وَلَيَّلٍ إِذَا يَسَّرَ ﴿٥﴾ هَلْ فِي ذَلِكَ قَسَمٌ لِّذِي حِجْرِ ﴿٦﴾

Bermaksud: Demi fajar (1). Demi malam yang sepuluh (2). Demi yang genap dan yang ganjil (3). Demi malam bila iaberlalu (4).Pada yang demikian itu terdapat sumpah (yang dapat diterima) oleh orang-orang yang berakal. (5). (al-Fajr:1-5).

Menurut az-Zamakhshari, jawab qasam bagi jumlah qasam ini mahzuf. Taqdirnya لتعذبن (kamu pasti akan dihukum).

(5) Di mana kelihatan semacam (ﻝ) qasam dibuang daripadamuqsam `alaihatau jawab qasam. Sementara bahagian-bahagian jawab qasam yang lain masih ada, padahal jawab qasam semua sekali dibuang (محذوف). Keadaan seperti ini dikatakan terdapat pada firman Allah di bawah ini:

وَلَسَّمَآءَ ذَاتِ الْبُرُوجِ ۖ وَلَيَوْمَ الْمَوْعُودِ ۖ وَشَاهِدٍ وَمَشْهُودٍ ۖ قَتَلَ أَصْحَابَ الْأَخْذُودِ ۖ لَنَارِ ذَاتِ الْوُقُودِ ۖ

Bermaksud: Demi langit yang mempunyai tempat-tempat peredaran bintang-bintang; (1) Demi hari (pembalasan) yang dijanjikan; (2). Demi yang menyaksikan dan yang disaksikan;(3). Celakalah kaum yang menggali parit. (4) (al-Buruj: 1-4).

Jawab qasam sebenar bagi tiga jumlah qasam, daripada ayat 1-3 ialah لَنَبْعَثَنَّ (sesungguhnya kamu akan dibangkitkan) yang dibuang (محذوف). Firman Allah قَتَلَ أَصْحَابِ الْأَخْذُودِ kelihatan seperti menjadi jawab qasam kepada tiga jumlah qasam yang tersebut sebelumnya. Dan haraf (ﻝ) yang sepatutnya terletak di permulaannya dibuang. Padahal semuanya bukan jawab qasam.

(6) Muqsam `alaihatau jawab qasam biasanya disembuntukan, tetapi kadang-kadang ia dibuangkan juga. Antara contoh yang dapat dikemukakan ialah firman Allah berikut:

وَلَفَجَّرِ ۖ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ۖ وَلَشَفْعٍ ۖ وَلَوْثَرٍ ۖ وَلَيْلٍ إِذَا يَسِرُ ۖ هَلْ فِي ذَلِكَ قَسَمٌ لِذِي حِجْرِ ۖ

Bermaksud: Demi fajar (1). Demi malam yang sepuluh (2). Demi yang genap dan yang ganjil (3). Demi malam bila ia berlalu (4). Pada yang demikian itu terdapat sumpah (yang dapat diterima) oleh orang-orang yang berakal. (5). (al-Fajr: 1-5).

Menurut sesetengah ulama, jawab qasam yang dibuang di sini ialah كُفَّارُ مَكَّةَ (Kamu pasti akan dihukum wahai orang-orang kafir Mekah).

Beberapa Perkataan Penambah Di Permulaan Muqsam `Alaih

Muqsam alaih atau jawab qasam menurut Imam al-Baghawi (al-Husain bin Mas`ud al-Baghawi) semestinya dimulakan dengan beberapa perkataan. Kesemuanya merupakan haraf-haraf. Kalau pada zahirnya ia tidak tersebut, maka salah satu daripadanya mestilah ditaqdirkan mengikut kesesuaian keadaan dan kedudukan ayat.

Di bawah ini dikemukakan haraf-haraf berkenaan bersama contoh-contohnya:

(1) ان . Antara contohnya ialah pada firman Allah berikut:

وَلَفَجَّرْنَا فِي لَيْلٍ عَشْرٍ ۖ وَلَشَفَعْنَا لَوْ تُرِثُهَا إِذَا بَسَرْنَا ۖ هَلْ فِي ذَلِكَ قَسَمٌ لِّذِي حِجْرٍ ۚ أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ
إِرمَ ذَاتِ الْعِمَادِ ۚ لَئِي لَمْ يُخْلَقْ مِثْلُهَا فِي لَيْلٍ ۚ وَتَمُودَ الَّذِي جَابُوا الصَّخَرَ بِالْوَادِ ۚ وَفِرْعَوْنَ ذِي الْأَوْتَادِ ۚ الَّذِينَ طَعَوْا
فِي لَيْلٍ ۚ فَأَكْثَرُوا فِيهَا لُفْسَادَ ۚ فَصَبَّ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سَوْطَ عَذَابٍ ۚ إِنَّ رَبَّكَ لَبَاسِرٌ ۚ

Bermaksud: Demi fajar (1) dan malam yang sepuluh (2) dan yang genap dan yang ganjil (3) dan malam bila ia berlalu (4) Pada yang demikian itu terdapat sumpah (yang dapat diterima) oleh orang-orang yang berakal (5) Apakah kamu tidak memperhatikan bagaimana Tuhanmu berbuat terhadap kaum 'Aad (6) (iaitu) penduduk Iram yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi (7) yang belum pernah dibangun (suatu kota) seperti itu, di negeri-negeri lain (8) dan kaum Tsamud yang memotong batu-batu besar di lembah (9) dan kaum Fir'aun yang mempunyai pasak-pasak (tentera yang banyak) (10) yang berbuat sewenang-wenang dalam negeri (11) lalu mereka berbuat banyak kerosakan dalam negeri itu (12) kerana itu Tuhanmu menimpakan kepada mereka cemeti azab (13) sesungguhnya Tuhanmu benar-benar mengawasi (14). (1-14).

(2) مَا لِلنَّفْيِ (yang memberi erti tidak atau bukan). Antara contohnya ialah pada firman Allah berikut:

وَلُضْحَىٰ ۖ وَلَيْلٍ إِذَا سَجَىٰ ۖ مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ۚ وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ الْأُولَىٰ ۚ

Bermaksud: Demi waktu matahari sepenggalahan naik (1) Demi malam apabila ia telah sunyi sepi (2) Tuhanmu tidak meninggalkanmu dan tidak (pula) benci kepadamu (3) (ad-Dhuha:1-3).

(3) اللام المفتوحة (berbaris di atas). Firman Allah berikut adalah antara contohnya:

فَوَرَّبُّكَ لَنَسْأَلَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ۚ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ ۚ فَأَصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ۚ

Bermaksud: Maka demi Tuhanmu, Kami pasti akan menanyai mereka semua (92) tentang apa yang telah mereka kerjakan dahulu (93) (al-Hijr:92-93).

(4) ان الخفيفة . Firman Allah berikut adalah antara contohnya:

تَاللَّهِ إِن كُنَّا لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ۚ

Bermaksud: Demi Allah, sesungguhnya kita dahulu (di dunia) dalam kesesatan yang nyata (as-Syu'araa':97).

(5) لا. Firman Allah berikut adalah antara contohnya:

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ لَا يَبْعَثُ اللَّهُ مَن يَمُوتُ بَلَىٰ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٨﴾

Bermaksud: Dan mereka bersumpah dengan nama Allah dengan bersungguh-sungguh (sambil berkata): Allah tidak akan membangkitkan semula orang-orang yang telah mati. (Itu tidak benar), bahkan janji Allah membangkitkan orang-orang yang telah mati) tetap benar; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. (an-Nahl:38).

(6) قد. Antara contohnya ialah firman Allah berikut:

وَلُشْمِيسٍ وَضَحَلَهَا ﴿١﴾ وَلَقَمَرٍ إِذَا تَلَّهَا ﴿٢﴾ وَلَنَهَارٍ إِذَا جَلَّتْهَا ﴿٣﴾ وَلَلَّيْلِ إِذَا يَغْشَىٰهَا ﴿٤﴾ وَلَلْسَّمَاءِ وَمَا بَدَّلَهَا ﴿٥﴾ وَلَلْأَرْضِ وَمَا طَحَّهَا ﴿٦﴾ وَلَنُفُوسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا ﴿٩﴾

Demi matahari dan cahayanya di pagi hari (1) dan bulan apabila ia mengiringinya (2) dan siang apabila ia menampakkannya (dengan jelas nyata); (3) dan malam apabila ia menutupinya (dengan gelap- gelita), (4) Demi langit dan Yang membinanya (dalam bentuk yang kuat kukuh yang melambangkan kekuasaanNya); (5) Demi bumi dan Yang menghamparkannya (untuk kemudahan makhluk-makhlukNya); (6) Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (berupa kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); (7) maka Allah mengilhamkan kepadanya (jalan) kefasikan dan ketakwaannya(8) Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), (9) (as-Syams:1-9).

(7) بل. Antara contohnya ialah pada firman Allah berikut:

قُلْ وَالْقُرْآنِ الْمَجِيدِ ﴿١﴾ بَلَىٰ عَجِبُوا أَنْ جَاءَهُمْ مُنْذِرٌ مِّنْهُمْ فَقَالَ الْكَافِرُونَ هَذَا شَيْءٌ عَجِيبٌ ﴿٢﴾

Bermaksud: Qaaf. Demi Al Quran yang sangat mulia (1) (Mereka tidak menerimanya) bahkan mereka tercengang kerana telah datang kepada mereka seorang pemberi peringatan dari (kalangan) mereka sendiri, maka berkatalah orang-orang kafir: “Ini adalah suatu yang amat ajaib”. (2) (Qaaf:1-2).

Menurut ar-Raazi. Qasam (sumpah) dalam semua surah yang Allah bersumpah di permulaannya dengan menggunakan perkataan-perkataan bukan haraf, bertujuan

membuktikan kebenaran tiga prinsip keimanan, iaitu Tauhid (keesaan Tuhan), Risalah (kerasulan) dan Hari kemudian (kehidupan sesudah kematian).

Tujuan Sumpah (غرض القسم) Di Dalam Al-Qur'an

Jika dilihat kepada keluasan ilmu Allah dan kecekatan ilmu manusia, tentulah sukar untuk menguasai dan memastikan setiap maksud sumpahNya di dalam al-Qur'an. Bagaimanapun setelah diteliti, dapatlah juga dikatakan bahawa maksud sumpah Allah di sini - berpandukan beberapa petunjuk yang ada - ialah untuk membuktikan kebenaran al-Qur'an misalnya.

Di bawah ini dikemukakan sebahagian daripada maksud dan tujuan sumpah yang terpentingsahaja:

- (1) Menarik perhatian manusia dan jin kepada alam semesta kejadian Tuhan yang penuh dengan rahsia dan keajaiban, di samping menyatakan keteguhan dan kekuatannya. Dalam menjaga dan mentadbirnya, sifat rububiyah Allah jua yang akan kelihatan di mana-mana pun. Keadaan itu membuatkan setiap yang berfikir dan insaf pasti menerima sifat uluhiyyahNya.
- (2) Membuktikan kebenaran RasulNya Muhammad s.a.w. Orang-orang 'Arab percaya sumpah dusta boleh membuatkan seseorang yang bersumpah binasa atau musnah kehidupannya. Rasulullah s.a.w. pula dengan perintah Allah seringkali bersumpah, namun sumpah beliau langsung tidak memudharkannya. Kehidupan beliau sebaliknya terbukti menjadi semakin baik dan sempurna. Nama beliau menjadi semakin masyhur. Segala usaha beliau pula semakin dihargai. Ini semua menunjukkan restu Allah ada bersamanya dan kebenaran berada di pihaknya.
- (3) Mengumpamakan, membandingkan dan memisalkan perkara-perkara ghaib dan abstrak dengan perkara-perkara yang dapat disaksikan dengan mata kepala. Tujuannya ialah supaya perkara-perkara ghaib dan abstrak itu dapat difahami oleh akal dengan mudah dan dapat diterima oleh jiwa dengan senang. Rahsia itulah yang terdapat di sebaliknya sumpah Allah dengan waktu subuh, siang, waktu dhuha, matahari, malam dsb. Dengan mengamati sumpah-sumpah Allah yang sebegitu, terserlahlah cahaya petunjuk dan

keimanan di dalam jiwa. Selain itu akan timbul juga perasaan gerun terhadap Allah dan harap kepadaNya.

(4) Untuk menolak kepercayaan-kepercayaan karut dan memperbetulkan aqidah-aqidah yang terpesong Allah bersumpah dengan bintang apabila ia menjunam dsb. Ia mengetuk fikiran penyembah bintang-bintang atau planet-planet tertentu yang dipercayai turut mempunyai kuasa terhadap alam bawah. Maksud yang sama juga terdapat di dalam satu hadits rasulullah s.a.w., meskipun ia tidak menggunakan bahasa sumpah (اسلوب القسم). Lihat hadits berkenaan di bawah ini:

حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ قَالَ : حَدَّثَنَا زَائِدَةُ قَالَ : حَدَّثَنَا زَيْدُ بْنُ عَلَاقَةَ قَالَ : سَمِعْتُ الْمُغِيرَةَ بْنَ شُعْبَةَ يَقُولُ انْكَسَفَتِ الشَّمْسُ يَوْمَ مَاتَ إِبْرَاهِيمُ فَقَالَ النَّاسُ انْكَسَفَتْ لِمَوْتِ إِبْرَاهِيمَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَا يَنْكَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ ، وَلَا لِحَيَاتِهِ فَإِذَا رَأَيْتُمُوهُمَا فَادْعُوا اللَّهَ وَصَلُّوا حَتَّى يَجْلِيَ.

Maksudnya: Mughirah bin Syu'bah meriwayatkan, kata beliau, gerhana matahari berlaku pada hari kematian Ibrahim (anakanda Rasulullah s.a.w.). Maka ada yang berkata, ia gerhana kerana kematian Ibrahim. Mendengar kata-kata itu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua tanda dari sekian banyak tanda-tanda Allah. Iatidak gerhana kerana kematian atau kehidupan sesiapa pun. Apabila berlaku gerhana, berdoalah kamu kepada Allah dan bersembahyanglah sehingga ia hilang." (Hadits riwayat al-Bukhari).

(5) Selalu juga Allah bersumpah untuk menguat dan meneguhkan muqdam 'alaih, khususnya apabila ia berkaitan dengan perkara-perkara ghaib seperti hari kebangkitan, perhitungan dan pembalasan.

(6) Menarik perhatian kepadaperkara-perkara penting dan peristiwa-peristiwa bersejarah yang berlaku di sesuatu tempat. Apabila Allah bersumpah dengan at-Thur misalnya, maka ia bererti menarik perhatian manusia kepada tanda-tanda kebesaran Allah berupa mu'jizat yang dikurniainya kepada Nabi Musa a.s.di tempat (bukit) tersebut. Allah bersumpah dengan al-Baladil Amin pula untuk menarik perhatian kita kepada kemunculan Islam di Mekah, selain menyatakan keistimewaannya kerana di situlah terletak al-Ka'batul Mukarramah dan lain-lain benda yang penuh bersejarah dan keberkatan.

- (7) Menghibur dan menenangkan hati Nabi s.a.w. yang sentiasa dicemuh dan dituduh oleh orang-orang kafir di zaman baginda. Di samping menyatakan baginda adalah kekasih Allah dan manusia pilihanNya. Sumpah tertentu juga bermaksud menolak cemuhan dan tuduhan mereka itu. Inilah yang nyata daripada sumpah Allah di permulaan Surah ad-Dhuha.
- (8) Menyatakan muqam bihi mempunyai kesinambungan dan perkaitan yang rapat dengan muqam 'alaih. Ia merupakan wadah bagi muqam 'alaih untuk sama ada meraih keuntungan atau mendapat kerugian semasa hidupnya di dunia yang fana ini.
- (9) Menunjukkan kehebatan dan keistimewaan kedudukan muqam bihi di sisi Allah. Muqam bihi juga bersifat dengan sifat-sifat mulia, bertanggungjawab, sentiasa melaksanakan perintah-perintah Allah yang diberikan kepada mereka dengan penuh ta'at setia.
- (10) Membuktikan kepentingan, khasiat atau keistimewaan muqam bihi. Muqam bihi merupakan sesuatu yang perlu sekali direnungi untuk mendapat sebanyak mungkin faedah daripadanya. Ia juga merupakan penanda aras tamaddun kemanusiaan.
- (11) Membuktikan kebenaran al-Qur'an sebagai kalam Tuhan yang diturunkan untuk membimbing dan memandu manusia dalam kehidupannya di dunia. Al-Qur'an juga diberikan sebagai mu'jizat kepada Rasulullah s.a.w. Ia dijamin terpelihara daripada segala bentuk penyelewengan dan tokok tambah.
- (12) Mengingatkan manusia kepada sekian banyak ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada mereka. Manusia sepatutnya bersyukur atas ni'mat kurniaan Allah kepadanya itu. Manusia sepatutnya membandingkan ni'mat-ni'mat yang diperolehinya dengan ni'mat-ni'mat yang diperolehi makhluk-makhluk Tuhan yang lain. Jika makhluk-makhluk lain tidak henti-henti bertasbih memuji Tuhan, ta'at kepada segala perintah tuannya, padahal mereka tidak mendapat walaupun hanya 1/1000 ni'mat yang dikurniakan kepada manusia, maka sewajarnya manusia bersyukur kepada Allah dan hidup dengan penuh keta'atan kepadaNya. Maksud ini dapat dilihat umpamanya pada sumpah Allah di dalam Surah al-'Aadiyat.

Kesinambungan Dan Kesesuaian Di Antara Perkataan Muqсам Bihi Dan Muqсам Alaih

Pelajar al-Qur'an hendaklah mengetahui perhubungan dan kesinambungan antara muqсам bihi dan muqсам `alaih. Khususnya apabila Allah bersumpah dengan fenomena alam dan makhluk ciptaanNya. Ia perlu merenung dengan mendalam untuk mendapatkan rahsia dan hikmat yang tersimpan di sebalik perhubungan antara kedua rukun qasam (sumpah) itu.

Dengan mengetahui perhubungan dan kesinambungan antara muqсам bihi dan muqсам `alaih, kebesaran al-Qur'an dan keagungannya akan menguasaiminda seseorang. Perhubungan antara keduanya adakalanya nyata dan adakalanya pula agak tersembunyi. Minda yang tajam dan jiwa yang hening jua akan dapat menangkap sesuatuyang tersembunyi dan tidak nyata.

Beberapa Contoh Kesesuaian Dan Kesinambungan Antara Muqсам Bihi Dan Muqсам `Alaih

(1) Berdasarkan tertib turun al-Qur'an, surah yang mula-mula sekali mengandungi sumpah ialah Surah al-Qalam. Di permulaannya terdapat sumpah Allah. Lihat firman Allah berkenaan:

نَّ وَلَقَلَّمَ وَمَا يُنْظَرُونَ ﴿١﴾ مَا أَنْتَ بِمَجْنُونٍ ﴿٢﴾ وَإِنَّ لَكَ لَأَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ ﴿٣﴾ وَإِنَّكَ لَعَلَى خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Bermaksud: Nuun. Demi Pena dan apa yang mereka tulis; (1) Engkau (wahai Muhammad) dengan sebab ni'mat pemberian Tuhanmu bukanlah seorang gila (sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik, bahkan engkau adalah seorang yang bijaksana). (2) Dan sesungguhnya engkau tetap beroleh pahala yang amat besar, yang tidak putus-putus, (sebagai balasan bagi menjalankan ajaran Islam); (3) Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia. (4) (al-Qalam: 1-4).

Muqсам bihi terdapat di dalam ayat pertama surah. Ayat 2-4 pula merupakan muqсам `alaih atau jawab qasam.

“Pena dan apa yang mereka tulis” yang tersebut sebagai muqсам bihi di dalam ayat (1) Surah al-Qalam ini telah dipakai oleh para ulama Tafsir dengan dua erti. (a) Semua pena atau alat tulis yang digunakan oleh manusia untuk menulis. Apayang mereka tulis pula

bermaksud apa saja yang ditulis manusia. (b) Pena yang digunakan oleh para sahabat untuk menulis dan mencatat al-Qur'anyang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Apayang mereka tulis pula bererti al-Qur'an yang ditulis oleh para sahabat di dalam mushaf-mushaf.

Al-Qur'an yang diturunkan kepada Muhammad merupakan ni'mat terbesar Allah kepadanya dan juga kepada seluruh manusia. Ia penuh dengan kebenaran, panduan hidup dan keajaiban. Bagaimana boleh seorang yang telah menerima al-Qur'an yang begitu sifatnya dari Allah dan menyampaikannya kepada manusia dituduh gila oleh pembesar-pembesar Quraisy?! Padahal orang yang dituduh mereka sebagai gila itu hidup bersama mereka sekian lama dan mereka sendiri mengakui tentang kebijaksanaan dan ketinggian akhlaqnya. Bukan al-Qur'an sahaja membuktikan kebenaran Muhammad, kewujudan beliau di kalangan mereka sendiri buat sekian lama juga merupakan bukti yang terang tentang kebenarannya. Tiada orang lain yang lebih mengenalinya daripada mereka. Kenapa mereka tetap menuduhnya gila? Tidak kerana lain, kerana al-Qur'an itulah juga. Kalaulah manusia - termasuk orang-orang kafir Quraisy - memerhatikan al-Qur'an dan membandingkannya dengan buku-buku lain yang ditulis manusia, tentu mereka akan sedar bahawa al-Qur'an itu bukan hasil ciptaan manusia. Ia adalah kalam Allah. Manusia tidak akan mampu menandinginya, bahkan tidak akan mampu mengadakan satu surah pun seumpamanya.

Muqamalah yang tersebut di dalam ayat 2-4 bukan dikemukakan untuk menghibur hati Nabi s.a.w. Bukan juga untuk memujuk beliau yang begitu sakit hati dan sedih dengan kata-kata kesat dan tuduhan liar yang dilemparkan oleh pemuka-pemuka Quraisy terhadap beliau. Ia sebaliknya merupakan bukti yang membenarkan Muhammad s.a.w. dan mendustakan orang-orang yang menuduhnya gila. Orang-orang yang menuduhnya itulah sebenarnya yang gila. Nabi s.a.w. yang yakin bahawa beliau adalah rasul yang haq dari Allah dan diperkuat pula dengan al-Qur'an, tentunya tidak terkesan dengan tuduhan-tuduhan palsu seperti itu.

(2) Berdasarkan tertib turun surah-surah al-Qur'an, surah al-Fajr adalah yang kelima mengandungi sumpah Allah. Di dalamnya Allah berfirman:

وَلَفَجَّرِ ۞ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ۞ وَلَشَفَعِ ۞ وَلَوَثِرٍ ۞ وَلَلَّيْلِ إِذَا يَسْرِ ۞ هَلْ فِي ذَلِكَ قَسَمٌ لِّذِي حَبْرِ ۞ أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ ۞ إِرَمَ ذَاتِ الْعِمَادِ ۞ الَّتِي لَمْ يُخْلَقْ مِثْلُهَا فِي لَبَدٍ ۞ وَثَمُودَ الَّذِينَ جَاءُوا لَصَّخَرَ بِالْوَادِ ۞ وَفِرْعَوْنَ ذِي الْأَوْتَادِ ۞ الَّذِينَ طَعَوْا ۞ فِي لَبَدٍ ۞ فَأَكْثَرُوا فِيهَا لُغْسَادَ ۞ فَصَبَّ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سَوْطَ عَذَابٍ ۞ إِنَّ رَبَّكَ لَبِالْمِرْصَادِ ۞

Bermaksud: Demi (waktu) fajar; (1) Demi malam yang sepuluh; (2) Demi yang genap dan yang ganjil; (3) Demi malam, apabila ia berlalu; (4) Pada yang demikian itu terdapat sumpah (yang dapat diterima) oleh orang-orang yang berakal (5) Apakah kamu tidak memperhatikan bagaimana Tuhanmu berbuat terhadap kaum 'Aad (6) Iaitu penduduk Iram yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi. (7) yang belum pernah dibangun (suatu kota) seperti itu, di negeri-negeri lain (8) Dan (terhadap) kaum Tsamud yang memahat batu-batu besar di lembah (Wadil-Qura iaitu tempat tinggalnya)? (9) dan kaum Fir'aun yang mempunyai pasak-pasak (tentara yang banyak) (10) yang berbuat sewenang-wenang dalam negeri (11) Lalu mereka melakukan dengan banyaknya kerosakan dan bencana di negeri-negeri itu. (12) kerana itu Tuhanmu menimpakan kepada mereka cemeti azab (13) sesungguhnya Tuhanmu benar-benar mengawasi (14) (al-Fajr:1-14).

Selepas mengemukakan muqam bihi melalui empat ayat, bermula dari ayat 1 hingga ayat 4, Allah mengemukakan pula kisah kehancuran dan kemusnahan tiga kaum yang sangat derhaka dan bermaharajalela di negeri masing-masing. Setelah itu barulah dikemukakan muqam 'alaihnya, iaitu ayat ke 14 surah berkenaan: **ان ربك لبالمرصاد** (Sesungguhnya Tuhanmu benar-benar mengawasi). Sebagaimana Allah mengawasi dan seterusnya menimpakan azab ke atas umat yang derhaka di zaman dahulu, Allah juga mengawasi dan akan menghukum orang-orang yang semasa dengan rasulNya Muhammad s.a.w. Yang demikian itu adalah sunnahNya.

Jika dilihat kepada masa dan waktu kaum-kaum yang disebut Allah sebagai kaum-kaum yang telah dibinasakan, niscaya anda akan dapati waktu-waktu kebinasaan dan kemusnahan mereka ialah yang disebut Allah sebagai muqam bihi di permulaan surah ini. Kaum Nabi Saleh yang lebih dikenali sebagai kaum Tsamud telah musnah dengan satu gegaran yang amat kuat pada waktu Fajar. Perihal kaum Tsamud, kehebatan dan

sikap mereka terhadap ayat-ayat Allah yang disampaikan oleh Nabi Saleh a.s. dan akhirnya bagaimana mereka dimusnahkan, dapat dilihat pada firman Allah di bawah ini:

وَلَقَدْ كَذَّبَ أَصْحَابُ الْحِجْرِ لِمُرْسَلِينَ ﴿٨٠﴾ وَأَتَيْنَهُمْ ءَايَاتِنَا فَكَانُوا عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٨١﴾ وَكَانُوا يَنْحِتُونَ مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا ءَامِنِينَ ﴿٨٢﴾ فَآخَذْتُهُمُ الصَّيْحَةُ مُصْجِحِينَ ﴿٨٣﴾ فَمَا أَغْنَىٰ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٨٤﴾

Bermaksud: Dan demi sesungguhnya penduduk “Al-Hijr” telah mendustakan Rasul-rasul. (80) Dan Kami telah berikan kepada mereka tanda-tanda (yang membuktikan kebenaran agama dan Rasul Kami); dalam pada itu, mereka terus juga berpaling (mengingkarinya). (81) Dan mereka memahat sebahagian dari gunung-ganang, sebagai tempat tinggal dengan keadaan aman (dari sesuatu bahaya). (82) Meskipun demikian, mereka dibinasakan juga oleh suara keras yang menggempakan bumi pada waktu pagi. (83) Maka apa yang mereka telah usahakan itu, tidak dapat menolong mereka sedikit pun. (84) (al-Hijr:80-84).

Nabi Musa a.s. telah membawa lari kaumnya ke semenanjung Sinai daripada kezaliman Fir'aun pada waktu malam di sepuluh awal bulan Muharram. Allah menyelamatkan mereka. Sementara Fir'aun dan bala tenteranya yang mengejar mereka pula ditenggelamkan dalam laut Qulzum. Peristiwa bersejarah itu berlaku pada hari ke 10 di bulan Muharram.

Untuk membinasakan dan memusnahkan kaum 'Aad Allah telah melepaskan angin yang amat sejuk dan kencang bermula pada waktu fajar. Angin yang amat sejuk dan kencang itu dilepaskan selama tujuh malam (dan) lapan hari tanpa henti. Akhirnya mereka semua sekali musnah. Pada petang hari kelapan, barulah angin itu berhenti. Lihatlah firman Allah berikut:

كَذَّبَتْ ثَمُودُ بِالنَّارِ ﴿١﴾ فَأَمَّا ثَمُودُ فَأُهْلِكُوا بِالطَّاغِيَةِ ﴿٢﴾ وَأَمَّا عَادُ فَأُهْلِكُوا بِرِيحٍ صَرْصَرٍ عَاتِيَةٍ ﴿٣﴾ سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَتَمِيتَهُمْ أَتَامًا ﴿٤﴾ خُسُوفًا ﴿٥﴾ فَتَرَىٰ لَقَوْمًا فِيهَا صَرْعَىٰ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ خَاوِيَةٍ ﴿٦﴾ فَهَلْ تَرَىٰ لَهُمْ مِنْ بَاقِيَةٍ ﴿٧﴾

Bermaksud: Kaum Tsamud dan 'Aad telah mendustakan hari (kiamat) yang menggempar dan mengharukan itu. (4) Maka (masing-masing menerima azab dunianya) - adapun Tsamud (kaum Nabi Saleh), maka mereka telah dibinasakan dengan suara keras yang amat dahsyat. (5) Adapun 'Aad (kaum Nabi Hud), maka mereka telah dibinasakan dengan angin yang sangat sejuk lagi amat kencang. (6) Yang diarahkanNya menyerang

mereka tujuh malam lapan hari terus-menerus; (kalaulah engkau menyaksikannya) maka engkau akan melihat kaum itu bergelimpangan mati, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang (tumbang dan) lompang. (7) Maka kamu tidak melihat seorangpun yang tinggal di antara mereka. (8) (al-Haaqqah: 4-8).

Lapan adalah bilangan genap. Tujuh pula adalah bilangan ganjil. Itulah yang dimaksudkan dengan firman Allah: وَالشَّع وَالْوَتْر (Demi yang genap dan yang ganjil) dalam konteks apayang berlaku kepada kaum 'Aad.

Waktu-waktu yang disebuntukan sebagai muqсам bihi di dalam Surah al-Fajr itu sebenarnya meruju' kepada peristiwa bersejarah yang berlaku padanya. Pada waktu-waktu itulah kaum 'Aad, kaum Tsamud dan Fir'aun serta bala tenteranya dimusnahkan Allah. Punca kemusnahan mereka ialah menolak dan menentang ayat-ayat Allah. Selain itu mereka jugabanyak melakukan kerosakan di muka bumi. Lihatlah betapa rapatnya perkaitan dan kesinambungan di antara muqсам bihi dan muqсам 'alaih di dalam Surah al-Fajr ini.

(3) Kesesuaian dan kesinambungan di antara muqсам bihi dan muqсам 'alaih juga terdapat dengan cukup indah di dalam surah al-'Ashr. Lihat terlebih dahulu surah al-'Ashr itu:

وَلَعَصْرٍ ۚ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۚ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝

Bermaksud: Demi masa (1) Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian (2) kecuali orang-orang yang beriman, mengerjakan amal saleh, nasehat menasehati supaya mentaati kebenaran dan nasehat menasehati supaya menetapi kesabaran (3) (al-'Ashr: 1-3).

Dengan merenung dan meneliti sejenaksahaja, kesesuaian dan kesinambungan di antara muqсам bihi dan muqсам 'alaih akan dapat dikesan. Modal manusia dalam kehidupan di dunia ini sebenarnya hanya ada dua sahaja. Pertama, masa atau umurnya dan kedua ialah kepandaian mengguna masa dan umur. Umur manusia setiap detik semakin berkurang. Orangyang mengguna masa atau umurnya untuk membina kehidupannya di akhirat, itulah orangyang terselamat daripada kerugian. Jika tidak, pasti akan kerugianlah dia. Setiap manusia berada dalam kerugian, jika masa dan umurnya tidak digunakan

untuk sesuatu yang berfaedah di dunia dan di akhirat. Sejarah masa menyaksikan hakikat ini!

Keadaan-Keadaan Orang Yang Dikhithab (Dihadap Cakap) Dengan Ayat Sumpah

Antara perkara yang perlu sekali diperhatikan apabila anda membaca ayat qasam (sumpah) di dalam al-Qur'an ialah siapakah orang yang dikhithab dengannya? Beberapa panduan penting diberikan di bawah ini:

(1) Apabila Allah bersumpah dengan fenomena alam atau mana-mana makhlukNya, maka itu bererti menarik perhatian manusia kepada sifat Maha PenciptaNya, sifat kuasaNya, sifat ilmu dan sifat hikmatNya yang tidak terbatas. Manusia atau jinyang paling dimaksudkan dengan sumpah seperti itu ialah yang kafir. Merekalah yang paling memerlukan panduan untuk dapat mengesan sifat-sifat rububiyah Allah s.w.t. Lalu menerima pula sifat uluhiyyahNya. Ini bukanlah pula bererti orang-orang Islam langsung tidak dimaksudkan dengannya.

(2) Mukhathab pertama bagi muqasam bihi dengan lafaz **فلا وربك** atau **لعمرك** adalah Rasulullah s.a.w. Orang-orang mu'min juga termasuk di bawahnya, tetapi secara tidak langsung. Orang-orang kafir juga adakalanya dimaksudkan, tetapi secara sindiran dan tidak langsung.

(3) Muqasam bihi dengan lafaz **فورب السماء والأرض** atau **رب المشارق والمغارب** secara langsungnya ditujukan kepada orang-orang mu'min. Orang-orang lain juga boleh termasuk di bawahnya, tetapi tidak secara langsung.

Keadaan-keadaan orang yang dikhithab juga perlu diperhatikan. Sesetengah orang sememangnya memerlukan sumpah apabila anda hendak menceritakan sesuatu kepadanya. Sesetengahnya pula tidak begitu.

Kadang-kadang orang yang sama memerlukan sumpah, pada ketika yang lain pula ia tidak memerlukan. Adakalanya seseorang memerlukan sumpah hanya untuk perkara-perkara tertentu sahaja. Dalam perkara-perkara lain ia tidak memerlukan. Untuk menghadapi keadaan-keadaan seperti inilah al-Qur'an memilih satu gaya bahasa sumpah yang sangat menarik, iaitu dengan menggunakan haraf nafi sebelum perkataan qasam. لا أقسم. Pada sesetengah tempat sebelum perkataan لا dibawakan haraf 'athaf.

Sebanyak lapan sumpah seperti ini telah digunakan oleh Allah di dalam tujuh surah al-Qur'an. Di bawah ini dikemukakan perinciannya:

(1) Di dalam Surah at-Takwiir Allah berfirman:

فَلَا أُقْسِمُ بِالْخُنَّسِ ﴿١٥﴾ الْجَوَارِ الْكُنَّسِ ﴿١٦﴾ وَلَيْلٍ إِذَا عَسَّسِ ﴿١٧﴾

Bermaksud: Sungguh, Aku bersumpah dengan bintang-bintang yang tenggelam timbul: (15) yang beredar, juga yang tetap pada tempatnya (16).

(2) Di dalam Surah al-Qiyaamah:

لَا أُقْسِمُ بِیَوْمٍ لَّقَیْلَمَةٍ ﴿١﴾ وَلَا أُقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ ﴿٢﴾ أَلَيْسَ لِّلنَّاسِ لَیْلٌ جَمَعَ عِظَامُهُ ﴿٣﴾

Bermaksud: Aku bersumpah demi hari kiamat (1) dan aku bersumpah dengan jiwa yang amat menyesali (dirinya sendiri) (2).

(3) Di dalam Surah al-Balad:

لَا أُقْسِمُ بِهَٰذَا الْبَلَدِ ﴿١﴾

Bermaksud: Aku benar-benar bersumpah dengan kota ini (Mekah) (1)

(4) Di dalam Surah al-Waaqi'ah:

فَلَا أُقْسِمُ بِمَوَاقِعِ لُّجُومِ ﴿٧٥﴾

Bermaksud: Maka Aku bersumpah dengan tempat-tempat beradanya bintang-bintang (75).

(5) Di dalam Surah al-Haaqqah:

فَلَا أُقْسِمُ بِمَا تُبْصِرُونَ ﴿٣٨﴾ وَمَا لَا تُبْصِرُونَ ﴿٣٩﴾ إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿٤٠﴾ وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَاعِرٍ قَلِيلًا مَّا تُؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾

Bermaksud: Maka Aku bersumpah: Demi segala (yang nyata) yang kamu melihatnya, (38) Dan segala (yang ghaib) yang kamu tidak melihatnya, (39) Bahawa sesungguhnya Al-Quran itu ialah (wahyu dari Kami) yang disampaikan oleh Rasul yang mulia, (40)

(6) Di dalam Surah al-Ma'arij:

فَلَا أُقْسِمُ بِرَبِّ لَمَشْرِقٍ وَلَمَغْرِبٍ إِنَّا لَقَدِيرُونَ ﴿١﴾

Bermaksud: Maka Aku bersumpah dengan (kebesaranKu) Tuhan yang menguasai (seluruh alam, meliputi) tempat-tempat terbit (matahari dan bulan bintang) dan tempat-tempat tenggelamnya, - sesungguhnya Kami Maha Berkuasa. (40)

(7) Di dalam Surah al-Insyiqaaq:

فَلَا أُقْسِمُ بِالشَّفَقِ ۖ وَاللَّيْلِ وَمَا وَسَقَ ۖ وَالْقَمَرِ إِذَا تَسَقَّ ۖ لَتَرْكَبُنَّ طَبَقًا عَن طَبَقٍ ۖ فَمَا لَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ۖ

Bermaksud: Maka sesungguhnya Aku bersumpah dengan cahaya merah di waktu senja (16) dan dengan malam dan apa yang diselubunginya (17) dan dengan bulan apabila jadi purnama (18) sesungguhnya kamu melalui tingkat demi tingkat (dalam kehidupan) (19).

Para ulama Tafsir berbeda pendapat tentang لا nafi yang tersebut sebelum fi'il qasam. Ada yang mengatakan ia لا za'idah dan pula yang mengatakan ia adalah لا nafi kalam muqaddar. Dan sebagainya.